

PANDUAN CUTI Bandung, Indonesia



Penulis:
Ct Anna & Ismailmkhir
<http://www.panduancuti.com>
Email: destinasicuti@yahoo.com

DAFTAR ISI KANDUNGAN

<u>Perkara</u>	<u>Muka Surat</u>
Isi Kandungan	1
Pengenalan	2
Visa & Passport	3
Matawang (Currency)	10
Tempahan Tiket Penerbangan	11
Keperluan Melancung/Senarai Semak	15
Bayaran Beg (Air Asia Sahaja)	15
Ketibaan di Indonesia	16
Perjalanan ke Bandung – Terus Ke Bandung	16
Perjalanan ke Bandung – Melalui Jakarta	18
Langkah Demi Langkah	19
Tip-Tip Yang Patut Anda Ketahui	28
Itinerari/Cadangan Aturcara	31
Kastam & Imigresen	32
Pengangkutan Tempatan	33
Informasi Laluan/Route Angkut	35
Informasi Laluan/Route Bas Panjang (DAMRI)	38
Info Teksi	40
Info Kereta Sewa	41
Tempat Penginapan/Hotel	42
Restoran/Kedai Makan	45
Destinasi/Tempat Tarikan Utama	49
Factory Outlet (Sisa Eksport)	50
Telefon Bimbit/Hand Phone	51
Panduan Kosting	52

PENGENALAN

Negara:	Indonesia
Ibunegara:	Jakarta
Matawang:	Rupiah (Rp)
Perbezaan Masa:	Jakarta/Bandung lewat 1 jam dari Malaysia Denpasar/Bali sama waktu dengan Malaysia
Internet TLD:	id
Tenaga Letrik:	220V – 240V. Plug 2 pin digunakan dengan menyeluruh. Sila Bawa adaptor bersama
Masa Perjalanan:	KUL – Jakarta 2 jam KUL – Denpasar 3 jam KUL – Bandung 2 ½ jam
Kod Telefon:	+62
Zon Masa:	GMT +7 – GMT +9

Bandung adalah ibu kota provinsi Jawa Barat di mana dahulunya dikenali sebagai **Paris van Java** (Bahasa Belanda) atau “Paris dari Jawa”. Terletak di dataran tinggi menjadikan Bandung beriklim sejuk, Di sini juga terdapat puluhan Pusat Pengajian Tinggi serta rangkaian Pusat Membeli Belah utama, selain Factory Outlet atau lebih dikenali sebagai **Sisa Eksport**. Ini menjadikan Bandung sebagai salah satu destinasi Pelancongan popular.

Terletak di garisan 107° BT and 6° 55' LS. Ketinggian ±768 m di atas permukaan laut. Daerah utara Kota Bandung pada umumnya lebih tinggi daripada daerah selatan. Rata-rata ketinggian di sebelah utara adalah ±1050 dpl, sedangkan di bahagian selatan adalah ±675 dpl. Kota Bandung di kelilingi oleh pergunungan yang menjadikan Bandung berbentuk seperti cekungan (*Bandung Basin*).

Kota Bandung dialiri dua sungai utama, iaitu Sungai Cikapundung dan Sungai Citarum beserta anak-anak sungainya yang pada umumnya mengalir ke arah selatan dan bertemu di Sungai Citarum.

Kota Bandung didiami lebih **3 juta orang**. Menjadikan Kota ketiga terpadat di Indonesia selepas Jakarta dan Surabaya. Bandung juga merupakan kota **keempat** terbesar di Indonesia.

PERMOHONAN VISA DAN PASSPORT

VISA

1. Rakyat dari Negara-negara ASEAN termasuk Malaysia tidak memerlukan Visa untuk masuk ke Indonesia BAGI TEMPOH SELAMA 30 HARI.
2. Situasi Ini telah membuka peluang kepada rakyat Malaysia untuk bebas ke sana tanpa sekatan dengan syarat mempunyai dokumen perjalanan yang sah dan tidak disenaraihitamkan oleh Malaysia dan juga Indonesia atas sebab-sebab tertentu.



Passport Antarabangsa Malaysia

PASPORT

Jabatan Imigresen Malaysia telah mengeluarkan dua (2) jenis paspot.

1. Paspot Antarabangsa (International Passport)
2. Surat Perjalanan Berkumpulan (Group Passport)

Pasport Malaysia Antarabangsa

Pasport Malaysia adalah suatu **dokumen perjalanan yang sah** yang dikeluarkan kepada warganegara Malaysia bagi tujuan perjalanan keluar negara.

Permohonan boleh dikemukakan di **semua Pejabat Imigresen Negeri** di Malaysia (termasuk Ibu Pejabat) dan di Pejabat Perwakilan Malaysia jika berada di luar negara.

Tempoh Sah Laku

Tempoh sah laku selama **lima (5) tahun sahaja** dari tarikh dikeluarkan.

Buku pasport baru akan dikeluarkan kepada permohonan pembaharuan pasport. Jika pemohon ingin memohon Pasport baru menggantikan Pasport yang belum tamat tempoh sahlakunya, baki tempoh (maksima 6 bulan sahaja) yang ada dalam Pasport lama akan dimasukkan ke dalam Pasport baru dengan syarat-syarat berikut:

- Masih ada 2 mukasurat yang belum digunakan
- Bukan kes hilang atau rosak
- Bukan kes dalam siasatan

Bayaran

Bayaran Pasport Malaysia adalah mengikut bilangan m/s senaskah Pasport itu:

- 32 mukasurat – RM 300.00
- 64 mukasurat – RM 600.00

Bayaran Separuh Harga

- 32 mukasurat RM 150.00
- 64 mukasurat RM 300.00

Kelayakan Bayaran Separuh Harga

- Kanak-kanak yang belum mencapai usia 12 tahun semasa mengemukakan permohonan
- Remaja yang belum mencapai usia 21 tahun yang akan dan dapat menunjukkan bukti telah menerima tawaran melanjutkan pelajaran di institusi pengajian tinggi di luar negara semasa mengemukakan permohonan.

Bayaran Dikecualikan / Percuma

Kelayakan :

Golongan orang kurang upaya (OKU) yang berdaftar dengan jabatan kebajikan masyarakat dan mengemukakan kad yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai bukti.

Bentuk Bayaran

i. Tunai

ii. Wang pos atau bank draf yang dipalang

* Malaysia - Atas nama KETUA PENGARAH IMIGRESEN MALAYSIA atau PENGARAH IMIGRESEN NEGERI dimana permohonan dikemukakan.

* Luar Negara - Atas nama SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA/PENOLONG SURUHANJAYA TINGGI MALAYSIA/KEDUTAAN BESAR MALAYSIA/KONSULAT JENDERAL MALAYSIA (di mana berkaitan)

Cek persendirian atau syarikat tidak diterima.

Cara Memohon

Pemohon perlu mematuhi prosedur berikut:

- Hadir di Pejabat Imigresen atau Pejabat Perwakilan Malaysia di luar negara
- Melengkapkan borang Pasport Malaysia ([IM.42-Pin.97](#)) yang boleh di dapati di kaunter pejabat pasport atau dimuat turun melalui Laman Web Imigresen secara percuma. Borang hendaklah dimuat turun dan dicetak atas kertas A4 (depan dan belakang).
- **SEMUA** permohonan kali pertama harus mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah :

Pemohon yang berumur 18 tahun ke atas – Lahir Dalam Negara

- Mykad pemohon
- Sekiranya tidak memiliki MyKad, kad pengenalan sementara (JPN.KPPK 09 dan 11) dan Sijil lahir pemohon diperlukan

- 2 keping gambar terbaru berlatar belakang biru muda (berukuran 3.5 x 5 sm)

Pemohon yang berumur 18 tahun ke atas – Lahir Luar Negara

- Mykad pemohon
- Borang W/Sijil Lahir/Sijil Perakuan Taraf
- Dokumen yang digunakan semasa balik ke Malaysia
- 2 keping gambar terbaru berlatar belakang biru muda (berukuran 3.5 x 5 sm)

Pemohon yang berumur 18 tahun ke bawah

- MyKad pemohon
- Sijil lahir pemohon
- MyKad bapa/ibu/penjaga sah (ibu atau bapa perlu hadir sama).
- 2 keping gambar terbaru berlatar belakang biru muda (berukuran 3.5 x 5 sm)

Piagam Pelanggan

Permohonan Pasport yang telah dibuat bayaran **sebelum jam 3.30 petang akan dikeluarkan dalam tempoh 2 jam di pejabat pengeluar** yang telah ditetapkan sahaja.

Kes Kehilangan/Kerosakan Pasport Malaysia

Pasport Malaysia diistilahkan rosak jika :

- Basah
- Diconteng / terconteng
- Dikoyak / Terkoyak
- Dibakar / terbakar
- Dimakan anai-anai/serangga
- Gambar pudar / luntur
- Butiran dalam pasport dipinda

Warganegara Malaysia yang telah kehilangan Pasport Malaysia perlu :

- i. Membuat Laporan Polis (jika berkenaan)
- ii. Jika memerlukan Pasport gantian, sila ke Pejabat Imigresen Negeri berdekatan tempat tinggal pemohon (kecuali Ibu Pejabat) untuk mengemukakan permohonan seperti berikut :

- Kad Pengenalan
- Jika pemohon dibawah usia 18 tahun, kad pengenalan ibu atau bapa.
- Borang Permohonan Pasport Malaysia ([IM.42 Pin 1/97](#))
- Borang Soal Selidik Kehilangan Pasport Malaysia ([IM42c](#))
- 2 keping gambar terbaru berlatar belakang biru muda (berukuran 3.5 x 5 sm)
- Laporan Polis
- Salinan Pasport Malaysia yang hilang (jika ada)
- Sijil perkahwinan/surat cerai (jika bawah 18 tahun dan telah berkahwin)

- Surat pengesahan bekerja dari majikan dan jika berada diluar negara, perlu tunjukkan bukti Permit Kerja.
- Surat pengesahan/tawaran belajar di luar negara.
- Sijil Perakuan Cemas berserta Laporan dari Pejabat Imigresen Lapangan Terbang/pintu masuk (jika kehilangan berlaku semasa lawatan singkat seperti melancong, menghadiri seminar/persidangan antarabangsa atau mengikuti kursus jangka pendek di luar negara)
- Surat pengesahan taraf (jika pemohon bertaraf penduduk tetap di luar negara)
- 2 salinan surat pengesahan banjir dari pihak berkuasa tempatan (jika kehilangan kerana banjir)
- Laporan Jabatan Bomba: jika kehilangan dalam kebakaran.
- Surat pengesahan banjir dari pihak berkuasa tempatan (jika kehilangan kerana banjir).

Maklumat Am

- Penggunaan perkataan anak lelaki (AL) dan anak perempuan (AP) bagi kaum India dan bukan Islam di mukasurat utama Pasport Malaysia telah dimansuhkan tetapi dinyatakan pada mukasurat 'PEMERHATIAN'/OBSERVATION'.
- Pasport Malaysia yang **tidak dituntut selepas tiga (3) bulan dari tarikh kutipan** yang dinyatakan pada resit bayaran akan **dibatalkan dan dilupuskan**. Pemohon yang pasportnya telah dibatalkan jika memerlukan pasport hendaklah mengemukakan permohonan baru mengikut proses biasa beserta bayaran.
- Tiada lagi kemudahan memasukkan butir-butir kanak-kanak dalam pasport ibu atau bapa. Kanak-kanak (termasuk bayi yang baru dilahirkan) perlu memohon secara berasingan dan ibu bapa boleh memohon untuk menukar gambar setelah bayi meningkat usia 2 tahun ke atas dengan mengisi borang Permohonan Pasport ([lm.42 - Pin 1/97](#)) disertai dengan 2 keping gambar terbaru berlatar belakang biru muda (berukuran 3.5 x 5 sm), Sijil Lahir dan hadir di Pejabat Imigresen.
- Berdasarkan Akta Penjagaan Kanak-Kanak (Guardianship Act 1961- Pind 1999), ibu kini boleh seperti bapa membuat pengesahan bagi permohonan anak bawah 18 tahun.
- Kehilangan Pasport Malaysia di luar negara hendaklah dilaporkan kepada Pejabat Perwakilan Malaysia di seberang laut yang berdekatan beserta dengan laporan Polis.
- Permohonan gantian bagi kes kehilangan Pasport Malaysia akan di hantar ke Ibupejabat Jabatan Imigresen, Putrajaya Malaysia untuk keputusan/proses. Tempoh yang diambil untuk proses siasatan dan keputusan permohonan sehingga Pasport Malaysia siap dihantar kepada perwakilan adalah dalam tempoh 3-4 bulan.
 - Bayaran Proses – RM200.00

Pasport Antarabangsa untuk Tempoh 2 Tahun - RM100

Kelayakan

Pemohon mestilah seorang Warganegara Malaysia.

Jenis Permohonan

Permohonan untuk PMA 32 mukasurat dengan tempoh sahlaku dua (2) tahun hanya diberi kepada kategori berikut sahaja:

- Permohonan kali pertama
- Gantian beserta buku

Nota

Tidak termasuk kes kehilangan/kerosakan.

Bagi permohonan gantian PMA kerana kes kehilangan atau ada kes siasatan yang diberi kelulusan dengan tempoh sahlaku yang dihadkan, pemohon perlu membayar harpa pasport dengan kadar biasa iaitu RM300.00 untuk pasport 32 mukasurat atau RM600 untuk pasport 64 mukasurat.

Tempoh Sahlaku

Sahlaku selama 2(dua) tahun dari tarikh dikeluarkan.

Pemohon yang memilih untuk menggunakan PMA 32 mukasurat dengan tempoh sahlaku dua (2) tahun tidak akan diberi Lanjutan Tambah Tempoh (LTT) semasa memohon pasport gantian yang belum tamat tempoh sahlakunya.

Bayaran - RM100.00 sahaja.

Bagi pelajar yang mendapat tawaran belajar di luar negara dan kanak-kanak berusia 12 tahun ke bawah juga dikenakan kadar bayaran sebanyak RM 100.00.

Dokumen Perjalanan Kumpulan Menggantikan Pasport (IM. 101) (GROUP PASSPORT)

Dokumen Perjalanan Kumpulan menggantikan pasport merupakan dokumen perjalanan yang dikeluarkan kepada Warganegara Malaysia untuk perjalanan secara berkumpulan (antara 5 hingga 20 orang) ke negara-negara ASEAN sahaja kecuali Filipina(Sila rujuk Jabatan Imegresen)

Proses permohonan SPB(Group Passport) mengambil masa 1 – 5 hari bekerja di Ibu Pejabat Imigresen. Permohonan juga boleh di buat di Pejabat Imigresen dan Pejabat Cawangan di seluruh Malaysia

Tempoh Sahlaku

Sembilan (9) bulan dari tarikh dikeluarkan dan untuk sekali perjalanan sahaja.

Syarat-Syarat Am

- Pemohon mesti hadir
- Borang H ([Im.101A](#)) yang boleh didapati di kaunter pejabat pasport atau dimuat turun melalui Laman Web Imigresen secara percuma. Borang hendaklah dimuat turun dan dicetak atas kertas A4 (depan dan belakang).
- 2 keping gambar berukuran 3.5 cm x 5 cm
- MyKad/Kad Pengenalan Tentera/Kad Pengenalan Polis atau Kad Pengenalan Sementara (JPN.KPPK 09 dan 11) bagi pemohon berumur melebihi 12 tahun.
- Sijil Kelahiran bagi pemohon dibawah 12 tahun.
- Kebenaran dari ibu/bapa bagi pemohon berumur kurang dari 18 tahun ([borang IM.42A](#)).

Bayaran - RM 200.00 bagi satu dokumen

Syarat Pemohonan – Sama Seperti Permohonan Passport Antarabangsa



JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
BORANG PERMOHONAN PASPORT / DOKUMEN PERJALANAN

Letakkan Kod Bar
IM 42 - Pn. 1/07

<p>Sila tandakan (/) di petak berkenaan</p> <p>Jenis Dokumen</p> <table style="width: 100%;"> <tr> <td><input type="checkbox"/> Pasport Malaysia 64 muka surat</td> <td><input type="checkbox"/> Sijil Perakuan Cemas</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Pasport Malaysia 22 muka surat</td> <td><input type="checkbox"/> Pasport Menyebarkan Sempadan Malaysia - Indonesia</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Pasport Malaysia Terhad - Singapura</td> <td><input type="checkbox"/> Pasport Sempadan Malaysia - Riptina</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Pasport Malaysia Terhad - Iranan</td> <td><input type="checkbox"/> Dokumen Perjalanan Terhad</td> </tr> </table> <p>Jenis Pemohonan</p> <table style="width: 100%;"> <tr> <td><input type="checkbox"/> Kali Pertama</td> <td><input type="checkbox"/> Kerana Memastikan Gambar Terbaru bagi Kanak-kanak</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> *Wahabitan Maka Surat / Tamat Tempoh</td> <td><input type="checkbox"/> Kerana Kehilangan</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Kerana Kerosakan</td> <td></td> </tr> </table>	<input type="checkbox"/> Pasport Malaysia 64 muka surat	<input type="checkbox"/> Sijil Perakuan Cemas	<input type="checkbox"/> Pasport Malaysia 22 muka surat	<input type="checkbox"/> Pasport Menyebarkan Sempadan Malaysia - Indonesia	<input type="checkbox"/> Pasport Malaysia Terhad - Singapura	<input type="checkbox"/> Pasport Sempadan Malaysia - Riptina	<input type="checkbox"/> Pasport Malaysia Terhad - Iranan	<input type="checkbox"/> Dokumen Perjalanan Terhad	<input type="checkbox"/> Kali Pertama	<input type="checkbox"/> Kerana Memastikan Gambar Terbaru bagi Kanak-kanak	<input type="checkbox"/> *Wahabitan Maka Surat / Tamat Tempoh	<input type="checkbox"/> Kerana Kehilangan	<input type="checkbox"/> Kerana Kerosakan		<p>Untuk Kegunaan Pejabat</p> <p>3. (i) Kategori Kad Pengeluaran <input type="checkbox"/></p> <p>(ii) Kategori Sijil Kelahiran <input type="checkbox"/></p> <p>5. Kod Negeri / Negara Lahir <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/></p> <p>10. Kod Negeri / Negara Asal <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/></p> <p>Saya sahkan bahawa pemohon/anak telah hadir dan mengemukakan dokumen-dokumen berikut:</p> <table style="width: 100%;"> <tr> <td><input type="checkbox"/> Akuan Penyatuan *Bapa/Ibu/Persejua</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Kad Pengeluaran *Sijil Kelahiran/ Sijil Anak Angkat/ Borang W</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Sijil Pertahewinan</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Sijil Perakuan Taraf</td> </tr> </table> <p>*S/S <input type="checkbox"/> Ada <input type="checkbox"/> Tidak</p> <p><input type="checkbox"/> Adanya tetapi bukan subjek sebenar</p> <p>..... Nama/Tandatangan/ Cap Raster</p> <p>Tarikh : / /</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;"> <p>Gambar Perseorangan Pasport/ Dokumen Perjalanan</p> <p>2.5 inci x 5.0 inci</p> </div> <p>Cap Ibu Jari *Kanan/Kiri Pemohon</p>	<input type="checkbox"/> Akuan Penyatuan *Bapa/Ibu/Persejua	<input type="checkbox"/> Kad Pengeluaran *Sijil Kelahiran/ Sijil Anak Angkat/ Borang W	<input type="checkbox"/> Sijil Pertahewinan	<input type="checkbox"/> Sijil Perakuan Taraf
<input type="checkbox"/> Pasport Malaysia 64 muka surat	<input type="checkbox"/> Sijil Perakuan Cemas																		
<input type="checkbox"/> Pasport Malaysia 22 muka surat	<input type="checkbox"/> Pasport Menyebarkan Sempadan Malaysia - Indonesia																		
<input type="checkbox"/> Pasport Malaysia Terhad - Singapura	<input type="checkbox"/> Pasport Sempadan Malaysia - Riptina																		
<input type="checkbox"/> Pasport Malaysia Terhad - Iranan	<input type="checkbox"/> Dokumen Perjalanan Terhad																		
<input type="checkbox"/> Kali Pertama	<input type="checkbox"/> Kerana Memastikan Gambar Terbaru bagi Kanak-kanak																		
<input type="checkbox"/> *Wahabitan Maka Surat / Tamat Tempoh	<input type="checkbox"/> Kerana Kehilangan																		
<input type="checkbox"/> Kerana Kerosakan																			
<input type="checkbox"/> Akuan Penyatuan *Bapa/Ibu/Persejua																			
<input type="checkbox"/> Kad Pengeluaran *Sijil Kelahiran/ Sijil Anak Angkat/ Borang W																			
<input type="checkbox"/> Sijil Pertahewinan																			
<input type="checkbox"/> Sijil Perakuan Taraf																			
<p>A. MAKLUMAT PERMOHON PASPORT / DOKUMEN PERJALANAN</p> <p>1. Nama Penuh (Seperti di dalam Kad Pengeluaran)</p> <p><input style="width: 100%;" type="text"/></p> <p>2. Nama Lain (jika ada)</p> <p><input style="width: 100%;" type="text"/></p> <p>3. (i) No. Kad Pengeluaran <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/></p> <p>(ii) *No. Sijil Kelahiran/No. Sijil Anak Angkat/ Borang W <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/></p> <p>4. Tarikh Lahir <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> / <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/></p> <p>5. Negeri Tempat Kelahiran (sebutkan nama negara jika lahir di luar Malaysia)</p> <p><input style="width: 100%;" type="text"/></p> <p>6. *Jantina <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan</p> <p>7. Alamat Semasa <input style="width: 100%;" type="text"/></p> <p><input style="width: 100%;" type="text"/></p> <p>Poskod <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> Bandar <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/></p> <p>Negeri <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/></p> <p>(sebutkan negara sekiranya menetap di luar Malaysia)</p> <p>8. Tinggi <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> cm</p> <p>9. *Taraf Perkahwinan <input type="checkbox"/> Belum Kahwin <input type="checkbox"/> Kahwin <input type="checkbox"/> Duda / Bala / Janda</p>																			
<p>B. PERMOHONAN MENGGANTIKAN PASPORT / DOKUMEN PERJALANAN KESEKIAN KERO SAKAN, KESIHATAN MUKASURAT DAN TAMAT TEMPOH SAHAJAJU</p>																			
<p>10. Sila isikan maklumat di Bahagian A, Bahagian B, Bahagian E, dan kepitikan pasport/dokumen perjalanan terakhir bernombor: <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/> <input style="width: 20px;" type="text"/></p>																			

Borang Permohonan Passport (IM 42)

MATAWANG / CURRENCY

1. Nilai rupiah (Rp) adalah lebih rendah dari Ringgit Malaysia. Semasa artikel ini ditulis nilai RM1.00 = Rp 2,700 (Sila rujuk kepada Pengurup Wang).
2. Kebiasaannya Rp 1 juta bersamaan RM320.00 hingga RM 380.00. Nilai ini sentiasa berubah-ubah kerana Rupiah diperdagangkan di Pasaran Kewangan (FOREX).
3. Anda juga harus berhati-hati dengan wang palsu dan buat pertukaran hanya dari Pengurup Wang Berlesen serta Bank sahaja.
4. Jangan sekali-kali melayani permintaan terutamanya dari Orang Arab/Afrika sekiranya mereka memerlukan tukaran wang. Ini adalah helah untuk menipu terutamanya di Lapangan Terbang.



Contoh Nilai Rupiah Indonesia

The screenshot shows the AirAsia.com website interface. At the top, there's a navigation bar with the AirAsia logo and various menu items like 'Tempahan', 'Info Penerbangan', 'Products & Shopping', 'Khidmat Pelancongan', 'Khidmat Korporat', 'Mengenai Kami', and 'Maklumat & Bantuan'. Below this, there's a search bar and a notification banner: 'Tambah yang memikat, keasyikan membeli-belah yang tidak terkira dari RM 29'. The main content area is divided into several sections. On the left, there's a 'Penerbangan' section with a search form for flights from Kuala Lumpur (KUL) to Bandung (BDO) for July 30, 2010, returning on August 02, 2010, for 1 adult and 0 infants. The central part features a large promotional banner for 'TAMBAH MENAKJUBKAN SYURGA MEMBELI - BELAH' with a 'SALE NOW ON' graphic. It lists flight options: Kuala Lumpur to Singapore (RM 29), Kuala Lumpur to Bangkok (RM 69), and Kuala Lumpur to Hong Kong (RM 149). To the right, there are smaller promotional boxes for 'airasia go.com', 'Daftar-Masuk Sendiri', and 'Menangi Perjalanan 5H4M ke Beijing untuk 4 orang'.

TEMPAHAN TIKET PENERBANGAN

Langkah-langkah Urusan Tempahan Tiket

1. Layari laman web
<http://www.airasia.com/site/my/bm/page.jsp?reference=onlinebook>
2. Pilih Negara **MALAYSIA**
3. Kemudian pilih Bahasa – **Bahasa Malaysia atau Inggeris dll**
4. Beri perhatian pada disebelah **KIRI**
5. Pilih Penerbangan **Dua Hala/Sehala (Return/Return)**
6. Pilih **Bertolak** dari **Kuala Lumpur (LCCT)**
7. Kemudian pilih **Tiba** di **Jakarta (CGK) atau Bandung (BDO)**. Anda mempunyai pilihan samaada untuk terbang terus ke Bandung atau pun melalui Jakarta. Perjalanan darat dari Jakarta ke Bandung mengambil masa 3 jam dengan menaiki bas atau keretapi
8. Buat pilihan **Tarikh Berlepas**
9. Kemudian **Tarikh Pulang**

10. Bilangan Tetamu dari jumlah 1 hingga 9 – dicadangkan uji sistem komputer AirAsia. Kadangkala kita perlu membuat tempahan dengan jumlah yang minima dan ulangi. Pada kebiasaannya tempahan dengan jumlah yang maksima, membuatkan komputer tidak akan memberi kita pada harga murah.
11. Tekan butang "**cari**"
12. Anda akan dibawa ke bahagian penjadualan penerbangan yang memaparkan flight nombor, harga dan masa.
13. Klik pada masa / flight pilihan pergi
14. Klik pada masa / flight pilihan balik
15. Klik pada perkataan bersetuju dan **sambung**
16. Selepas itu Rumusan Penempahan akan dipaparkan. Di nyatakan harga serta lain-lain maklumat berkenaan tempahan tiket anda.
17. Klik **sambung** dan anda dibawa ke bahagian **Tetamu dan Kontak**

18. Isikan maklumat Tetamu iaitu maklumat penumpang dan **maklumat kontak Tetamu**.
19. Anda diberi pilihan untuk menempah Tempat Duduk. Walaubagaimanapun setiap tempahan dikenakan bayaran tertentu bermula dari RM 5 hingga RM25.
Walau pun begitu apabila anda mendapatkan boarding pass, pihak AirAsia akan memberikan nombor kerusi anda. Oleh itu tidak perlulah membuat tempahan yang mana akan menambahkan lagi kos perjalanan anda.
20. Selepas itu anda akan dibawa ke bahagian pembayaran. Anda mempunyai pilihan untuk membuat pembayaran melalui kad kredit atau perbankan elektronik

21. Setelah urusan pembayaran selesai, anda akan diberikan nombor tempahan. Simpan nombor tersebut untuk rujukan.
22. Kini urusan tempahan telah selesai dan anda akan dihubungi oleh pihak Airasia dalam tempoh 24 jam melalui email yang telah di berikan di ruangan maklumat kontak
22. Cetak e-tiket/itinerary yang diberikan untuk rujukan anda dan bawa salinan semasa kita melancong. Perlu diingat ada negara tertentu yang memerlukan pelancong mengemukakan bukti tiket pulang. Tetapi amalan ini dipraktikkan di negara2 Eropah dan maju. Mereka bimbang kehadiran kesana untuk urusan bekerja atau tinggal lebih lama di sana.
23. Anda dinasihatkan merancang perjalanan. Oleh itu tempah sewaktu Promosi atau Perang Harga antara MAS dan Air Asia. Selain dari MAS dan Airasia, anda juga boleh memilih KLM & Garuda

AirAsia.com
TIADA YURAN
PENGURUSAN

TANPA
CAJ
BAHAN API
KE SEMUA
DESTINASI

[Laman Utama](#) | [Akaun Saya](#) | [Mengurus Tempahan Saya](#)

Mengurus Tempahan Saya 30 Jan 2010 17:27 (GMT+8)

Pengesahan

Tarikh Penempahan: Isnin, 25 Jan 2010

Nombor Penempahan: **P2TPCD**

Status Penempahan: **DISAHKAN**

Anda perlukan nombor tempahan ini beserta kad pengenalan atau passport di kaunter check-in untuk menaiki kapal terbang.

MAKLUMAT PENERBANGAN

Berlepas	Pulang
Kuala Lumpur LCCT (KUL) ke XXXXXXXXXX <i>Economy Promo</i> Jumaat, 26 Mac 2010 Penerbangan AK 572	XXXXXXXXXX ke Kuala Lumpur LCCT (KUL) <i>Economy</i> Isnin, 29 Mac 2010 Penerbangan AK 573
Bertolak Kuala Lumpur International Airport (LCC Terminal) (KUL) pada 15:35hrs (3:35 PM) dan tiba di Lapangan Terbang Sultan Syarif Kasim II (PKU) pada 15:20hrs (3:20 PM)	Bertolak Lapangan Terbang Sultan Syarif Kasim II (PKU) pada 14:20hrs (2:20 PM) dan tiba di Kuala Lumpur International Airport (LCC Terminal) (KUL) pada 16:05hrs (4:05 PM)

Maklumat Kontak

ISMAIL MAT AKHIR
 3046 TMN GELIGA INTAN
 JLN KUANTAN KEMAMAN
 KEMAMAN, TERENGGANU TG 24000
 MALAYSIA

6098581141 (Home)
 60195465393 (Alt)
 098585400 (Fax)

ismalmkhir@yahoo.com (Email)

PEMBAYARAN

Maklumat

	KUL - PKU	PKU - KUL	Jumlah
Harga tambang	128.00 MYR	194.00 MYR	322.00 MYR
Cukai Lapangan Terbang	50.00 MYR		50.00 MYR

Tukar Tempahan Ini

Apakah anda ingin tukar?

- Tukar / Naikkan Kelas Penerbangan**
Tukar maklumat penerbangan (contoh: masa, tarikh), Naik Kelas
- Menukar Tempat Duduk**
Duduk di tempat lain
- Hantar Jadual Perjalanan**
Hantar jadual perjalanan ke email anda
- Kemaskini Butiran Untuk Dihubungi**
kemaskini nombor untuk dihubungi apabila anda berada diluar kawasan
- Menukar Butiran Pasport**
Meminda nombor pasport anda
- Tambah Saiz Bagasi/ Tukar Hidangan**
Perbesarkan saiz bagasi atau pilih semula hidangan anda

Destinasi

Dapatkan destinasi yang menarik dan mempersonakan dengan AirAsia! Cari tempat tinggal dan aktiviti melalui petunjuk arah destinasi yang kami sediakan.

- [→ Pekanbaru](#)
- [→ Kuala Lumpur](#)

© 2009/2010. Hak Cipta Terpelihara. Satu lagi ebook pilihan untuk anda.

14

KEPERLUAN MELANCUNG

SENARAI SEMAK & KEPERLUAN

- ✓ Pakaian seminima mungkin – jgn bawa lebih kerana pasti kita akan membeli disana.
- ✓ Salinan Tiket Penerbangan
- ✓ Salinan Tempahan Hotel (Jika Ada)
- ✓ Wang yang telah ditukarkan ke Rupiah Indonesia
- ✓ Nota asas ini
- ✓ Makanan Ringan seperti biskut, maggi dll
- ✓ Pasport
- ✓ Mesin kira
- ✓ Pen (disimpan dalam poket)
- ✓ Plug extension untuk caj hand phone.
- ✓ Alamat-alamat penting jika berkenaan
- ✓ Pastikan tiba di LCCT 2 Jam sebelum berlepas

Bayaran Beg/Luggage (AIR ASIA SAHAJA)

Cabin Baggage/Hand Carry

Penumpang dibenarkan membawa 1 beg ke dalam kabin. Berat tidak melebihi 7 kg dan berukuran 56cm x 36cm x 23 cm. Walau bagaimana pun terpulang kepada diri anda bagaimana menyelesaikan masalah ini sekiranya ingin membawa lebih berat dan jumlah

Checked Baggage

Beg yang diserahkan semasa mendapatkan boarding pas(Luggage) hendaklah tidak melebihi 15kg. Lebihan berat akan dicaj **RM15/kg untuk domestic** dan **RM20/kg untuk destinasi antarabangsa**.

Penumpang dibenarkan membawa jumlah beg yang dikehendaki TETAPI Caj jumlah beg yang dibawa ialah **RM20/beg sekiranya belian online** dan **RM30/beg sekiranya tidak didaftarkan semasa membeli tiket**

KETIBAAN DI INDONESIA

Jika anda tidak menggunakan khidmat agen pelancongan, maka semua urusan harus anda lakukan sendiri. Bandung mempunyai 2 pintu masuk utama iaitu terus ke Kota Bandung atau melalui Jakarta. Di Indonesia, Airport / lapangan terbang disebut sebagai **BANDARA (Bandar Udara)**



PERJALANAN KE KOTA BANDUNG

Penerbangan Terus Ke Kota Bandung

1. Merupakan pintu masuk yang paling mudah bagi anda yang pertama kali melancung ke Bandung. Airasia mempunyai 3 penerbangan terus ke Bandung.

2. Setelah urusan dokumentasi selesai, anda boleh meneruskan perjalanan ke hotel penginapan. Urusan kemasukan ke sini mudah sahaja dan tidak terlalu sukar untuk diikuti. Anda boleh mengikut sahaja apa yang dilakukan oleh pelancong yang lain. Ini adalah kerana ketibaan anda dari Kuala Lumpur tidak disertai dengan lain-lain destinasi.
3. Ambil teksi berkupon sahaja untuk mengelakkan diri anda dari ditipu. Beritahu kaunter tempat hendak dituju. Jika anda memilih untuk ke hotel Astria Graha, beritahu tempat tujuan anda ke **Alun-Alun**. Lokasinya di belakang Hotel Homann iaitu Jln Dalem Kaum. Bayarannya antara Rp30,000 – Rp40,000 sahaja (RM 10 – 15). Jarak perjalanan sekitar 20 – 30 minit bergantung kepada kesesakan jalanraya.

Untuk seterusnya sila ikuti langkah demi langkah seperti pelancong yang masuk melalui Jakarta.

1. Untuk perjalanan pulang, anda harus berada 2 jam sebelum bertolak.
2. Situasi di Bandara Bandung tidak sesibuk di Jakarta TETAPI....anda harus berhati-hati kerana petugas di situ tidak segan silu meminta wang dari anda. Gunakan bayaran yang cukup untuk membayar Airport Tax sejumlah Rp 100,000 seorang. Disini Airport Tax dibayar dikaunter berasingan dengan kaunter tiket.



Antara perkhidmatan bas dari Bandara(Airport) Jakarta ke Bandung Super Mall

Melalui Jakarta

1. Setibanya anda di Jakarta, anda mempunyai pilihan untuk menggunakan bas ekspres atau keretapi untuk sampai ke Bandung. Sila semak jadual serta tambang.
SILA LIHAT LANGKAH DEMI LANGKAH
2. Sekiranya anda menaiki keretapi, anda perlu mengambil teksi dari Airport ke stesen keretapi Gambir dan menaiki keretapi ke Bandung.
3. Sekiranya anda menaiki bas, pastikan anda mendapatkan perkhidmatan tersebut di luar terminal Bandara Soekarno Hatta. Antara penyedia perkhidmatan ini ialah **Bas Primajasa** ke Bandung . Anda akan diturunkan di **Bandung Supermall (BSM)**
4. Dari Bandung Supermall hanya mengambil masa selama 20 minit sahaja untuk ke hotel penginapan. Gunakan perkhidmatan teksi. Rujuk panduan hotel di atas.

LANGKAH DEMI LANGKAH

HARI 1

Dari Kuala Lumpur ke LCCT anda boleh menaiki **Skybus** atau **Aerobus** dari KL Sentral dan **StarShuttle** dari Puduraya. Perjalanan mengambil masa sekitar satu setengah (1½) jam dengan tambang antara RM 8 dan RM 9 sehala. Pastikan anda memperuntukkan masa secukupnya untuk tiba awal bagi mengelak sebarang kesulitan. Anda dikehendaki berada di LCCT dua jam lebih awal sebelum waktu berlepas.



Pintu Masuk Utama di LCCT, Kuala Lumpur. Pastikan anda melihat Jadual Penerbangan di sini

Setiba di Terminal Tambang Murah (LCCT) , Sila lihat pada skrin untuk jadual penerbangan anda. Semak waktu dan nombor kapal terbang mengikut tempahan yang dibuat, ikut arahan pada skrin di kaunter mana anda harus beratur bagi mendapatkan boarding pass dan menyerahkan beg untuk di timbang . Kaunter terletak di sebelah kiri anda.

Sebelum ke kaunter , anda akan melalui pemeriksaan. Semua beg anda akan diperiksa(scan) termasuk beg tangan, hp, kamera dll. Sila beri kerjasama yang sewajarnya. Selepas pemeriksaan, terus ke **kaunter** mengikut arahan di skrin. Serahkan passport anda, juga **beg yang hendak di luggage**.

Kepada yang menggunakan passport berkumpulan, semua beg hendaklah diserahkan serentak bagi setiap kumpulan.

Anda akan dibekal dengan **boarding pass**. Semak Nombor Kerusi anda. Sekiranya anda datang berkumpulan, pastikan nombornya mengikut turutan bagi kemudahan pemeriksaan. Simpan semua dokumen ini dalam passport anda dan serahkan bila diminta. Beg yang akan dibawa bersama ke dalam kapal terbang (hand carry) tidak perlu diserahkan di kaunter.

Pastikan tiada bahan membahaya dan juga cecair di bawa di dalam bag (hand carry) ke dalam kapal terbang. Sekiranya anda ingin membawa barangan berbentuk cecair seperti air, cream atau barangan logam seperti sudu, pengepit kuku, pembuka tin dll, -bahan tersebut hendak diisi kedalam beg yang hendak di **luggage**. Serahkan kepada pihak Airasia.

Had maksima berat ialah **15Kg/bag**. Setiap lebihan akan dicaj RM20 per/kg Seterusnya anda perlu menuju ke **Balai Berlepas**. Ikut Petunjuk Arah. Sila lihat **No. Gate** di boarding Pass anda.

Anda akan melalui pemeriksaan Imigresen. Pasport anda akan dicop. Ikut lorong yang betul. Beratur di **bahagian Pasport Malaysia**.

Sekali lagi anda akan diperiksa oleh pihak keselamatan

Selesai pemeriksaan, sila ditunggu di tempat yang sepatutnya. Sila rujuk Boarding Pass untuk mengetahui No. Pintu Menunggu.

Arahan akan diberikan melalui **Pembesar Suara**. Sila pastikan anda sentiasa bersedia apabila waktu berlepas hampir tiba. Sebarang Kelewatan dan kecuaiian akan mengundang kesulitan dalam perjalanan anda.

Beratur di Pintu yang mencatatkan Nombor Penerbangan Anda.

Berjalan dalam barisan menuju ke Kapal terbang. Anda tidak perlu berebut kerana Airasia kini menyediakan nombor tempat duduk.

Ketika dalam penerbangan Airasia, makanan dan minuman akan disajikan. **TETAPI** semuanya **MESTI DIBAYAR**. Anda mempunyai pilihan untuk membeli atau tidak.

NOTA PENTING : Semasa dalam penerbangan juga, pramugari Airasia akan membekalkan 2 borang iaitu **Borang Kastam dan Imigresen Indonesia**.

Pastikan anda mendapat borang tersebut **kecuali** anda warga Indonesia.

SILA BAWA PEN BERSAMA untuk kemudahan mengisi borang yang diberikan.

Antara soalan yang mesti dijawab ialah:-

- Nama Penuh
- Warganegara/Nationality
- Tempat Lahir
- Tarikh Lahir
- No Pasport (sila rujuk passport)
- Tempat Dikeluarkan (Sila rujuk passport)
- Tarikh Tamat (Sila rujuk passport)
- No Flight (Sila rujuk boarding Pass)
- Pekerjaan
- Tujuan Lawatan (Melancong)
- Penginapan : Sila rujuk hotel pilihan
- Jumlah Hari Lawatan
- Alamat di Indonesia: Sila rujuk hotel pilihan
- Tandatangan

Borang Kastam (Pemberitahuan Pabean). Antara yang perlu diisi ialah :

- Tarikh Tiba
- No. Flight
- Warga Negara
- Nombor Passport
- Pekerjaan
- Alamat di Indonesia
- Jumlah keluarga yang bersama
- Jumlah beg di bawa

Simpan semua borang yang siap diisi dalam passport anda bagi tujuan pemeriksaan oleh pihak berkuasa Indonesia.

Setiba Di Bandara , Sila beratur di **barisan Foreigner**

Serahkan passport anda untuk diperiksa dan dicop oleh Imigresen.

Selepas urusan dokumentasi selesai, Sila ikut arah pandu ke Tempat Mengambil Beg. Setelah beg diperolehi, anda boleh keluar melalui Kastam Indonesia.

Kebiasaannya tiada pemeriksaan di sini melainkan jika tindak tanduk anda mencurigakan pihak kastam.

Sebelum keluar, anda juga boleh membuat tukaran matawang Rupiah di kaunter pengurup wang yang tersedia di pintu keluar. Berhati-hati sewaktu membuat penukaran. Mungkin anda sedang diperhatikan. Kira wang anda sebelum meninggalkan kaunter pengurup wang. Kebiasaannya tukaran di sini lebih menguntungkan berbanding tukaran di LCCT sendiri.

Di luar pintu keluar, Pergi ke kaunter **PRIMAJASA**. Di sini ada disediakan teksi, van dan bas. Anda dicadangkan untuk menggunakan perkhidmatan bas yang mengenakan tambang anggaran Rp 75,000 (RM25). Ke kerapannya 30 minit setiap perkhidmatan. Berbanding perkhidmatan Van dan kereta sewa/teksi yang mengenakan tambang melebihi Rp125,000 sehala.

Perjalanan ke Bandung mengambil masa selama lebih kurang 3 jam. Terminal akhir ialah di **Bandung SuperMall (BSM)**. Disini tiada perhentian R&R seperti di Malaysia, walaubagaimanapun keunikan disini, didalam Bas ada dijual makanan ringan seperti Mee Segera dan juga Minuman untuk mengalaskan perut sepanjang perjalanan ke kota Bandung. Selain itu pasti kan anda ke tandas terlebih dahulu sewaktu di lapangan terbang jika perlu bagi mengelakkan sebarang keperluan mendesak.

Setibanya di Bandung SuperMall (BSM) anda dikehendaki berjalan ke pintu masuk utama BSM di bahagian depan (100 meter). Disini mudah mendapatkan perkhidmatan teksi berbanding di depan kaunter Primajasa.

Anda dinasihatkan Terus menempah Tiket kembali Ke Jakarta dengan mengisi borang yang disediakan oleh **Primajasa (Angkutan Pemadu Moda)**. Lebih dari 30 perjalanan ke Bandara Soekarno Hatta, Cengkareng, Jakarta. Perjalanan bermula seawall jam 00.30am(12.30am) sehingga 16.00pm. **Ketika membeli tiket, buat pengiraan yang tepat agar anda tidak ketinggalan kapalterbang. Dicadangkan tempah tiket bas 6 jam sebelum perlepasan dengan kapalterbang.**

Selesai urusan menempah tiket kembali ke Jakarta, ambil teksi di depan BSM untuk ke tempat penginapan. Tambang ke Astria Graha ialah sekitar Rp20,000. Dengan masa perjalanan selama antara 15 – 20 minit.

Walaupun hotel ini agak kecil namun kebiasaannya pemandu teksi mudah mencarinya yang terletak di **Jln Dalem Kaum. Lokasi nya di belakang Hotel Homann Jln Asia Afrika.** (Sila rujuk pelan lokasi)

Setelah 'Check In' di hotel penginapan, anda boleh berehat ataupun berjalan-jalan di Alun-Alun(Centre Point). Pusat Membeli belah Matahari yang terletak di Sebelah Masjid Agung. Lokasinya cukup mudah kerana anda akan dapat melihat menara masjid di sebelah kiri di Jalan Dalem Kaum. Anda hanya perlu berjalan kaki.

Berhati-hati kerana di sini terdapat banyak pusat hiburan seperti dangdut, karaoke, rumahurut dan jaipong.

HARI 2.

Selepas bersarapan di hotel penginapan, anda boleh menaiki teksi untuk ke Cibaduyut yang merupakan Pusat Barangan Kulit. Namun bagitu anda seharusnya **berhati-hati** dengan peniaga di sini. Seperti yang saya nyatakan di awal tadi, sekiranya berpeluang, mereka akan menipu anda. Walaupun tidak semua peniaga begitu. Lebih-lebih lagi apabila mengetahui anda dari Malaysia

harga yang murah akan ditingkatkan demi keuntungan segera. Buat penawaran pada tahap seminima mungkin.

Luangkan masa 2 jam di sini. Buat pilihan yang terbaik. Selesai berurusan di sini, ambil taksi untuk ke Pasar Baru dengan tambangnya lebih kurang Rp 20,000.

Setiba di Pasar Baru, naik ke Tingkat 6 menggunakan lif untuk menjamu selera.

Banyak terdapat Food Court disitu dengan berbagai jenis makanan. Harganya juga murah. Antara masakan popular ialah Nasi Timbel. Nasi Timbel adalah Nasi putih yang disertakan dengan Ayam Bakar/Goreng, Ikan masin, Sambal, Tauhu, Tempe dan Ulam Salad. Harganya antara Rp 12,000 – Rp 14,000. Minuman di sini memang menyegarkan. Antaranya air buah atau dikenali dengan ES...(Oren, Durian Belanda ,Avocado,Strawberry dll).



**Menu popular di Food Court Tingkat 6, Pasar Baru
Nasi Timbel Komplit Rp7,000 & Es Durian Belanda Rp 7,000**

Anda boleh membeli belah sepuasnya disini sehingga kedai di tutup jam 5.30 petang. Macam-macam ada.....Pilihlah apa saja yang berkenan, semuanya ada disini. Selepas membelibelah anda bebas untuk aturcara anda sendiri seperti ingin mencari hiburan malam dll.

Untuk pulang ke hotel Astria Graha tambangnya dari Pasar Baru hanya Rp 10,000 namun kadar minima taksi ialah Rp20,000. Ikut kebijaksanaan anda sama ada anda perlu membayar Rp 20,000 ataupun Rp 10,000. Ini adalah disebabkan kadangkala pemandu taksi sanggup menerima apa saja manakala ada juga pemandu taksi sanggup meminta anda sehingga Rp 50,000 walaupun tambangnya adalah 10,000. Bagi yang ingin merasai kelainan, boleh juga mencuba

menaiki Angkot (Angkutan Kota) yang **berwarna merah** Elang – Cicadas dihadapan Pasbar (Pasar Baru Trade Centre). Tambang hanya Rp 2,000 seorang
Berehat di hotel

HARI 3

Sarapan pagi di hotel penginapan. Seperti biasa, menunya Nasi Goreng Kicap.

Hari ini anda akan menjelajahi Factory Outlet yang terletak di Jalan Setiabudi, Jalan Dago & Jalan Riau.

Ambil teksi di hadapan hotel penginapan. Beritahu Lokasi anda ke Jln Setiabudi. Landmarknya **RUMAH MODE**. Anda bolehlah mengunjungi Factory Outlet yang terletak berhampiran Rumah Mode, Donatello, Zenith dll. Tambangnya anggaran Rp 28,000b

Selepas membelibelah di factory outlet yang terdapat di sekitar Rumah Mode, teruskan ke Factory Outlet di Jalan Dago (Ir Juanda) dengan menaiki teksi atau Angkot. Mulakan dengan **Edward Forrer**, Episode, Grande, Blossom, Glamour, Raffles City, Donatello dan berjalan kaki kearah Holiday Inn/Plaza Dago. Tambang lebih kurang Rp 13,000. Lihat senarai nama factory outlet.

Seterusnya menaiki teksi atau berjalan kaki ke **Summit** di Jalan Riau. Banyak juga Factory Outlet disini untuk pelancong yang mementingkan jenama dan kualiti. Antaranya Terminal Tas, Formen, Heritage dll.

Factory Outlet (FO) dan **Distributor Store (DI)** menjual barangan berjenama antarabangsa.

Untuk makan, pilih saja gerai/restoran disepanjang perjelajahan anda. Pastikan kebersihan dan halalnya dahulu sebelum anda menjamu selera.

Sekiranya ingin mencuba sesuatu yang baru, menu **Nasi Kalong** di 57 Jalan Riau adalah jawapan yang tepat. Nasinya berwarna gelap dengan bermacam jenis lauk pauknya. Lebih kurang seperti nasi campur.

Untuk balik ke hotel penginapan di Jalan Dalem Kaum anda boleh menggunakan perkhidmatan teksi. Catatan dimeter mungkin Rp 10,000, namun anda terpaksa bayar Rp 20,000 kerana kadar minima ialah Rp 20,000 (+-RM 6.50)

HARI 4.

Pada hari ini anda mempunyai pilihan untuk membeli belah dimana sahaja. Anda boleh pergi semula ke Pasar Baru atau Factory Outlet.

Ikut langkah seperti diatas sekiranya hendak pergi atau pulang ke hotel. Begitu juga lokasi tempat makan dan minum.

Anda boleh membuat penyesuaian langkah demi langkah ini mengikut jumlah hari percutian anda.

HARI 5.

Sebagai persediaan untuk pulang ke Malaysia anda mesti membuat perkiraan yang tepat. Bila sepatutnya anda harus tiba di Bandara Soekarno Hatta Jakarta. Sebagai cadangan sila pastikan anda bertolak dari BSM Bandung 6 (Enam) jam sebelum penerbangan. Iaitu 3 jam perjalanan Bandung ke Jakarta dan 3 jam waktu menunggu di Airport. Beri masa secukupnya supaya perjalanan anda tidak tergesa-gesa.

Sebelum menaiki bas Primajasa Angkutan Pemandu Moda, beg anda ditimbang. Had percuma ialah seberat 20kg. Setiap lebih dikenakan bayaran Rp3,000 sekilogram. Beg anda akan diTag mengikut Terminal pilihan anda. Jangan risau kerana pembantu disini akan memberi panduan kepada anda. Sebelum bas bertolak, doa akan dibacakan oleh pemandu atau pembantu untuk memulakan perjalanan kita. Inilah satu-satunya pengalaman yang tidak dapat dilupakan. Belum pernah saya alami pengalaman sama sepanjang menaiki bas di Negara kita.

Terdapat lima (5) perhentian di Bandara Soekarno Hatta. Sekiranya anda tertidur, pembantu pemandu akan mengejutkan penumpang setibanya di Bandara.

Perhentian anda untuk pulang ke Malaysia ialah **Terminal 2E**. Perhentian ini adalah perhentian yang ke 4. Sekiranya kurang pasti, bertanyalah kepada pemandu/pembantu.

Perhentian 1, 2, 3 adalah untuk domestic. Perhatikan di dinding terminal terdapat logo-logo syarikat Penerbangan. Walaupun terdapat logo Airasia di perhentian ke tiga (3) tetapi itu adalah Airasia untuk perjalanan Domestik.

Pastikan anda turun di **Terminal 2E** untuk penerbangan International.

Seperti permulaan sewaktu tiba di LCCT, tindakan yang sama perlu dibuat.

Semak arahan di skrin monitar mengikut tempahan tiket anda. Pintu dan kaunter mana yang anda perlu lalui.

Sebelum masuk ke dalam Terminal, bag anda akan di scan.

Selesai Scan anda boleh ke kaunter seperti yang diarahkan mengikut no penerbangan anda.

Gunakan kesempatan tiba awal untuk menimbang beg anda di kaunter yang belum dibuka/tidak digunakan. Anda juga boleh menimbanginya semasa di perhentian Bas Primajasa di Bandung Supermall. Had percuma adalah 15kg/bag. Setiap lebihan berat akan di caj sebanyak RM20/kg. Anda boleh mengubahsuai berat beg anda mengikut yang dibenarkan atau berkongsi dengan rakan bagi mengelakkan dikenakan bayaran untuk lebihan berat. Semasa mendapatkan bording pass, serahkan beg kepada pihak airasia bersama passport. Sekiranya ingin berkongsi had berat beg, **silalah serah bersama-sama passport rakan anda**. Jangan serah berasingan.

Untuk mendapatkan bording pass yang menyatakan nombor kerusi anda, anda dikehendaki membayar cukai lapangan Terbang (Airport Tax) **iaitu Rp 150,000**.

Ambil kesempatan dengan membawa Hand Carry bagi mengelakkan lebihan berat bagasi. Penumpang dibenarkan membawa 1 beg ke dalam kabin. Berat tidak melebihi 7 kg dan berukuran 56cm x 36cm x 23 cm. Walau bagaimana pun terpulang kepada diri anda bagaimana menyelesaikan masalah ini sekiranya ingin membawa lebihan berat dan jumlah bag

Setelah selesai urusan dengan pihak Airasia, passport anda dikembalikan. Pastikan keratan yang diterima semasa memasuki Indonesia ada bersama Pasport anda. Keratan ini akan diambil semula oleh Imegresin Indonesia. Beratur di barisan FOREIGNER.

Setelah selesai urusan dokumentasi, terus menuju ke balai menunggu seperti tercatat di dalam Bording Pass. Tunggu arahan selanjutnya dari Pegawai Bertugas.

Kini anda bersedia untuk berlepas pulang.

Setibanya anda di LCCT, ikut arahan pihak berkuasa. Anda mesti menyerahkan semula passport untuk dicop.

Setelah selesai, Ambil beg masing-masing mengikut sector penerbangan.

Anda akan melalui bahagian pemeriksaan kastam. Anda boleh memilih untuk melalui **Bahagian Barang Yang diikrarkan** atau **Tidak diikrarkan**.

DICADANGKAN ikut laluan **TIDAK diikrarkan**. Laluan ini mengecualikan pemeriksaan rapi. Tetapi sekiranya keadaan anda mencurigakan serta jumlah beg yang di bawa adalah banyak kemungkinan anda akan diperiksa. DICADANGKAN bawa dalam jumlah yang sedikit. Gunakan 2 atau 3 trolley berasingan.

SELAMAT PULANG KE TANAH AIR

TIP YANG PATUT ANDA KETAHUI

1. **Buat Persediaan Awal**
2. **Penginapan Bajet.**

Pilihlah tempat penginapan bajet dan berhampiran tempat tumpuan. Pilih yang bersih dan murah. Tempahan boleh dibuat melalui online terus ke hotel penginapan. Pastikan online anda tidak melalui pihak **ketiga**. Pastikan website yang anda layari adalah web hotel berkenaan dan bukannya web. agen pengendali pelancongan.

3. Pilihlah syarikat **Penerbangan Tambang Murah**

Dalam kontek ini **Airasia** adalah satu-satunya syarikat yang memberi perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan ini terus ke Bandung (DBO) atau melalui Jakarta (CGK).

Daftar dengan airasia untuk mendapat Alert iaitu pemberitahuan awal . Kita akan mendapat tahu lebih awal tawaran yang dibuat, terutamanya tawaran RM0, RM49, RM99, 149 & dll. Ini akan memudahkan kita membuat pilihan kerana tempahan belum di buka untuk orang ramai .
4. **Buat sendiri (DIY)**

Diharapkan dengan tip yang diberikan, anda mendapat keyakinan untuk mencuba sendiri(DIY) dan jangan malu untuk bertanya sekiranya memerlukan bantuan.
5. **Pilih masa yang sesuai**
 - Sekurang-kurangnya 1 bulan sebelum tarikh bertolak
 - Elakkan pergi pada Hari Kelepasan Am – surcharge dan kesesakan
 - Elakkan pergi pada hujung minggu, sekiranya boleh ,pilih pada pertengahan minggu seperti Isnin hingga Jumaat. (Dapat elakan surcharge hotel)
 - Pilih tarikh sewaktu **Tawaran Tambang Murah & Harga Promosi**
6. **Pergi Berkumpulan** dalam dominasi 4 atau 7. Ini akan menjimatkan bayaran teksi & van. Bayaran dapat dikongsi bersama. Juga anda dapat berkongsi membuat Pasport Group(minima 5 orang maxsima 20 orang setiap passport). Ini akan menjimatkan belanja sekiranya anda tidak mempunyai Pasport Antarangsabangsa
7. **Perbincangan bersama** rakan yang ingin turut serta lebih memberi manfaat. Wujudkan tabung pelancungan dengan melantik seorang bendahari untuk menguruskan kewangan. Pambaziran dan ketirisan akan terjadi sekiranya kewangan tidak diuruskan dengan bijak. contohnya buat tabungan RM300.00 tiap seorang untuk menampung perbelanjaan sepanjang percutian anda.

Adalah tidak adil sekiranya kita belanja kawan untuk sarapan manakala kawan yang lain untuk makan tengahari dan ada yang belanja teksi tentulah jumlahnya berbeza. Bukan bermaksud untuk berkira tetapi untuk kesamarataan. Kita boleh mula menabung RM 100 sebulan sebagai deposit kepada bendahari. Buat tempahan 2 bulan atau lebih dari tarikh tempahan. Kebiasannya tempah hari ini dan boleh pergi 6 bulan lagi. Oleh yang demikian kita hanya perlu RM50 simpanan sebulan.

8. **Elakkan Bayaran Tip.** Jangan gunakan khidmat pemandu pelancong tempatan (grounder).. Biasanya khidmatnya RM100 tidak termasuk tip RM5 sehari. Tip untuk pemandu bas (super) juga dikenakan dengan kadar yang sama.
9. **Jangan Gunakan Khidmat Agensi pelancongan** samada tempatan atau pun luar Negara. Perlu diingatkan bahawa Agensi Pelancongan adalah syarikat perniagaan. Oleh itu setiap khidmat yang diberikan akan dikenakan bayaran setimpal dengan perkhidmatan yang ditawarkan.
10. **Jangan Bayar** apa-apa bayaran dipintu masuk atau keluar kecuali Airport tax. Airport Jakarta Rp100,000 dan Bandung Rp 75,000. Hal ini mungkin terjadi di Bandung sahaja dan tidak di Jakarta
11. **Membuat Tempahan Penginapan** terus dengan hotel seperti informasi yang disertakan.
12. **Buat pertukaran matawang** sewaktu harga Rupiah jatuh dan juga pada masa harga Ringgit meningkat. Buat pertukaran sekiranya Rp 1juta = RM300 ,ianya adalah menguntungkan.
13. **Jangan Layan** permintaan untuk tukaran kepada nilai Rp yang lebih kecil atau besar diterutamanya oleh warga Arab/Afrika. **Ini adalah penipuan.**
14. **Buat Tempahan Tiket Penerbangan** bila ada tawaran dari Airasia dan MAS. Masa yang sesuai ialah sewaktu perang harga. Penerbangan yang dicadangkan ialah perkhidmatan Airasia.
15. **Buat pilihan penerbangan melalui Jakarta** kerana kekerapan penerbangan dan peluang untuk mendapat tiket promosi RM0 lebih luas.

- Kekerapan KUL-BDO ialah 3 kali/hari manakala KUL–Jakarta ialah 6 kali/hari.
16. **Jangan Tempah tiket dalam kuantiti yang banyak** pada satu masa. Dicadangkan dalam kuantiti 1 ataupun 2 sahaja dan ulangi lagi untuk mendapatkan bilangan yang diperlukan. Anda sendiri boleh menguji sistem tempahan online tersebut.
 17. **Jangan Mempercayai**, terutamanya peniaga dan pemandu teksi. Walaupun tidak semua, namun mereka ini sentiasa menunggu peluang dan mengambil kesempatan untuk menipu, pastikan anda tidak terpedaya dengan helah mereka. Oleh itu berhati-hatilah. Tawar-menawar adalah jalan terbaik. Sekiranya menggunakan perkhidmatan teksi pastikan menggunakan meter. Kadar minima ialah Rp 20,000 dan maksima penggunaan dalam Kota Bandung ialah Rp 30,000

ITINERARI/ Aturcara Cadangan

5 Hari 4 Malam

Hari 1 – Kuala Lumpur / Jakarta / BDO

Acara Bebas

Hari 2 – Cibaduyut / Pasar Baru

Hari 3 – Factory Outlet (Setiabudi/Ciwalk/Dago/Riau)

Hari 4 – Acara Bebas (Cadangan - Tangkuban Perahu)

Kembali semula ke destinasi di atas atau pilihan ke Tangkuban Perahu

Hari 5 – Bandung / Jakarta / Kuala Lumpur

4 Hari 3 Malam

Hari 1 – Kuala Lumpur / Jakarta / BDO

Hari 2 – Cibaduyut / Pasar Baru

Hari 3 – Factory Outlet (Setiabudi/Ciwalk/Dago/Riau)

Hari 4 – Bandung / Jakarta / Kuala Lumpur

3 Hari 2 Malam

(Khas Untuk Penerbangan Terus KUL-BDO Sahaja)

Hari 1 – Kuala Lumpur / BDO /Setiabudi FO/Riau

Hari 2 – Cibaduyut / Pasar Baru/Dago

Hari 3 – Bandung / Jakarta / Kuala Lumpur

Itinerari yang disediakan adalah cadangan sahaja. Ianya mungkin berubah mengikut waktu ketibaan dan keberangkatan pulang serta lain-lain faktor. Walau bagaimana pun ianya sesuai untuk dijadikan panduan.

KASTAM DAN IMIGRESEN

Bagi anda yang pertama kali melancong ke luar Negara, terdapat beberapa panduan yang harus anda ikuti.

1. Sediakan dokumen perjalanan yang sah.
2. Pastikan anda tidak membawa barangan yang dilarang seperti senjata / besi / cecair dll
3. Beg anda akan diperiksa oleh pihak Kastam. Barangan dalam beg akan di scan dan pemeriksaan badan juga dilakukan.
4. Beg besar hendaklah di luggage ,anda akan dikenakan bayaran lebihan berat bagi bagasi yang melebihi 15 kg setiap satu ,manakala bag yang bersaiz kecil boleh di bawa bersama ke dalam kapalterbang.
5. Setelah proses mendapatkan boarding pass selesai, anda akan melalui bahagian imegresen. Disini anda dikehendaki menyerahkan passport anda untuk masuk ke Indonesia. Kemaskinikan dan simpan segala dokumen jika ada bersama passport untuk kegunaan seterusnya..
6. Anda juga dibekalkan borang masuk .Anda dikehendaki mengisi borang tersebut dan kepilkan bersama passport.
7. Bagi yang menggunakan Group Passport, pastikan anda sentiasa berada bersama kumpulan bagi semua urusan yang melibatkan passport anda.

Peruntukkanlah masa anda untuk urusan ini. Datang lebih awal bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

8. Ketibaan di Indonesia samaada di Bandung atau Jakarta juga memerlukan anda menyerahkan dokumen perjalanan. Simpan semua dokumen tersebut dan JANGAN BUANG salinan yang diberikan. Kehilangan borang-borang tertentu menyebabkan anda tidak dibenarkan meninggalkan Negara tersebut.
9. Didalam borang2 tertentu anda diminta mengisi tempat tinggal semasa di Indonesia, tulislah hotel pilihan anda. (sila rujuk senarai nama hotel)
10. Pastikan anda menyediakan wang untuk membayar cukai lapangan terbang sewaktu bertolak balik. Bagi (Airport tax) Bandung sejumlah **Rp 100,000** dan Jakarta pula sejumlah **Rp 150,000**. Sila sediakan tukaran yang mencukupi. Kebiasaan anda tidak akan menerima bakinya terutamanya di Bandung. Di Malaysia dan lain-lain Negara, Airport tax biasanya di masukkan bersekali dengan harga tiket.

7. PENGANGKUTAN TEMPATAN

Jadual Perjalanan Keretapi Bandung – Jakarta (Gambir)

Keretapi - Argo Gede			
No. KA	Bandung	Jatinegara	Gambir
19A	06:30	09:09	09:20
21A	07:35	10:14	10:25
25A	10:25	13:04	13:15
29A	14:35	17:14	17:25
31A	16:25	19:04	19:15
33A	18:05	20:44	20:55

Keretapi -Parahyangan				
No. KA	Bandung	Jatinegara	Gambir	Keterangan
59A	04:00	06:48	07:00	Isnin
61A	05:00	07:48	08:00	
63A	06:00	08:48	09:00	
65A	08:30	11:20	11:32	Berhenti di Cimahi
69B	11:15	14:13	14:25	Berhenti di Cimahi
73B	13:30	16:38	16:50	Berhenti di Cimahi
77A	17:00	20:53	21:05	
79FA	19:00	21:48	22:00	Hari Minggu

Harga Tiket Argo Gede **Kelas** Eksekutif: Rp. 75.000 (RM25.00)
Tarif Parahyangan **Kelas** Bisnis: Rp. 45.000 (RM 9.00)

Perjalanan Gambir (Jakarta ke Bandung)

Tarif Argo Gede - Eksekutif: Rp. 75.000

Tarif Argo Gede - Bisnis: Rp. 45.000

Argo Gede				
No. KA	Gambir	Jatinegara	Bandung	
18A	06:30	09:42	09:25	
22B	10:00	10:12	12:52	
24A	11:15	Langsung	14:02	
28A	13:40	Langsung	16:27	
32A	17:50	Langsung	20:38	
34A	19:30	Langsung	22:18	
Parahyangan				
No. KA	Gambir	Jatinegara	Bandung	Keterangan
62A	05:10	05:22	08:25	
64A	07:40	07:52	10:44	Senin/ setelah libur
66A	08:25	08:37	11:35	
70B	12:20	12:32	15:30	Berhenti di Cimahi
74A	14:35	14:47	17:54	Berhenti di Cimahi
76A	16:50	17:02	20:01	Berhenti di Cimahi
78A	17:15	17:27	20:22	
82FA	20:35	20:47	23:34	Hari Minggu



**Angkutan Kota @ Angkot adalah Pengangkutan Awam yang popular
 Harga hanya Rp 2,000 untuk satu perjalanan**

Informasi Laluan Angkot

Warna Angkot	Laluan (Route)
	<p>Abdul Muis » Cichaeum via Binong Pungkur - Telaga Bodas - Palasari Turangga - Gatot Subroto - Kiara Condong - Supratman - Katamso - Cikutra - Phh Mustopha (Suci)</p> <p>Cicaeum » Abdul Muis Phh Mustopha (Suci) - Jakarta - Kiara Condong - Turangga - Palasari - Buah Batu - M. Ramdan - Moh. Toha</p>
	<p>Abd. Muis » Cicaeum Via Aceh Karapitan - Sunda - Aceh - Katamso - Pahlawan - Phh Mustopha (Suci)</p> <p>Cicaeum » Abd. Muis Via Aceh Phh Mustopha (Suci) - Katamso - Aceh - Sulawesi - Tamblong - Lengkong Besar - Ciateul</p>
	<p>Abd. Muis » Dago Pungkur - Karapitan - Sunda - Banda - Re. Martadinata (Riau) - Ir. H. Juanda (Dago)</p> <p>Dago » Abd. Muis Ir. H. Juanda (Dago)- Aceh - Sumatra - Tamblong - Lengkong - Ciateul</p>
	<p>Abd. Muis » Ledeng Pungkur - Karapitan - Sunda - Banda - Re. Martadinata (Riau) - Wastukencana - Cipaganti - Setia Budi</p> <p>Ledeng » Abd. Muis Setia Budi - Cihampelas - Wastukencana - Aceh - Sumatra - Lengkong - Ciateul</p>
	<p>Elang » Abd. Muis Suryani - Pagarsih - Otista - Ciateul</p> <p>Abdul Muis » Elang</p>

	Otista - Astana Anyar - Pagarsih - Suryani - Holis - Bojong - Cijerah
	Cicaheum » Ciroyom Phh Mustopha (Suci) - Surapati - Dipati Ukur - Siliwangi - Cihampelas - Eyjkmn - Pasir Kaliki - Padjajaran - Arjuna Ciroyom » Cicaheum Aruna - Padjajaran - Pasir Kaliki - Cipaganti - Siliwangi - Dipati Ukur - Surapati - Phh Mustopha (Suci)
	Cicaheum » Ciwastra Phh Mustopha (Suci) - Surapati - Supratman - Jakarta - Kiara Condong - Marga Cinta Ciwastra » Cicaheum Marga Cinta - Buah Batu - Kiara Condong - Jakarta - Supratman - Surapati - Phh Mustopha (Suci)
	Cicaheum » Cibaduyut Phh Mustopha (Suci) - Katamso - Supratman - Jakarta - Kiara Condong - Sukarno Hatta - Cibaduyut Cibaduyut » Cicaheum Sukarno Hatta - Kiara Condong - Jakarta - Supratman - Katamso - Phh Mustopha (Suci)
	St. Hall » Dago Perintis Kemerdekaan - Seram - Re. Martadinata (Riau) - Ir. H. Juanda (Dago) Dago » St. Hall Ir. H. Juanda (Dago)- Merdeka (Bip) - Suniaraja - Stasion
	St. Hall » Sd. Serang Lembong - Lombok - Supratman - Katamso - Cikutra Sd. Serang » St. Hall Cikutra - Katamso - Supratman - Merdeka - Suniaraja
	Ciumbuleuit » St. Hall Kebun Jukut - Cicendo -Cipaganti - Ciumbuleuit St. Hall » Ciumbuleuit Via Cihampelas Ciumbuleuit - Cihampelas - Cicendo - Kebun Kawung
	St. Hall » Gede Bage Otista - Abc - Naripan - A. Yani - Palasari - Talaga Bodas - Buah Batu - Sukarno Hatta Gede Bage » St. Hall Sukarno Hatta - Buah Batu - Talaga Bodas - Palasari - A. Yani - Sumbawa - Aceh - Merdeka - Suniaraja
	St. Hall » Sarijadi Kebun Kawung - Junjuran - Suryasumantri - Ters. Sutami Sarijadi » St. Hall Ters. Sutami - Suryasumantri - Junjuran - Kebun Kawung
	St. Hall » Gunung Batu Gn. Batu - Junjuran - Pasteur - Cicendo - Kebun Kawung Gunung Batu » St. Hall Kebun Kawung - Cicendo - Pasteur - Junjuran - Gn. Batu
	Ledeng » Margahayu Sukajadi - Eyjkmn - Cihampelas - Wastukencana - Re. Martadinata (Riau) - Jakarta - Kiara Condong - Margahayu Margahayu » Ledeng Margahayu (Rancabolang) - Kiara Condong - Jakarta - Re. Martadinata (Riau) - Wastukencana - Cipaganti - Setia Budi

	<p>Dago » Pasar Caringin Cigadung - Cikutra - Surapati - Cikapayang - Padjajaran - Ciroyom - Psr. Koja - Sukarno Hatta</p> <p>Pasar Caringin » Dago Sukarno Hatta - Psr. Koja - Ciroyom - Kebun Jati - Padjajaran - Wastukencana - Taman Sari - Surapati - Cigadung</p>
	<p>Ciroyom » Sarijadi Aruna - Pasir Kaliki - Sukajadi - Sutami - Cipedes - Gegerkalong</p> <p>Sarijadi » Ciroyom Gegerkalong - Sutami - Sukajadi -Sedrhana - Abd. Saleh</p>
	<p>Ciroyom » Bumi Asri Holis - Bojong - Cijerah - Gempolsari- Dirgantara</p> <p>Bumi Asri » Ciroyom Dirgantara - Gempol Sari - Cijerah - Bojong - Holis - Sudirman - Rajawali - Kebun Jati - Pasir Kaliki - Abd. Saleh</p>
	<p>Ciroyom » Cikudapateuh Rajawali - Kebun Jati - Astana Anyar - Bkr - M. Ramdan - Palasari - Laswi - A. Yani</p> <p>Cikudapateuh » Ciroyom A. Yani - Palasari - M. Ramdan - Bkr - Kopo - Astana Anyar - Sudirman - Elang - Rajawali</p>
	<p>Sederhana » Buah Batu Jurang - Pasteur - Cihampelas - Cicendo - Lembong - Lengkong - Cikawao</p> <p>Buah Batu » Sederhana Karapitan - Lengkong - Abd. Muis - Dewi Sartika - Cicendo - Dr. Otten - Sukajadi</p>
	<p>Sederhana » Cijerah Sukajadi - Abd. Saleh - Garuda - Sudirman - Cijerah</p> <p>Cijerah » Sederhana Cijerah - Elang Abd. Saleh - Sukajadi -Sederhana</p>
	<p>Sederhana » Cimindi Sukajadi - Sukagalih - Junjuran - Mustang - Gn. Batu</p> <p>Cimindi » Sederhana Gn. Batu - Mustang - Junjuran - Sukagalih - Sukajadi</p>
	<p>Tegal Lega » Cisitu Astana Anyar - Gardu Jati - Kebun Jati - Cicendo -Wastukencana - Taman Sari - Cisitu</p> <p>Cisitu » Tegal Lega Cisitu - Siliwangi - Cihampelas - Cicendo - Psr. Baru - Kalipahapo - Otista</p>
	<p>Ciwastra » Cijerah Marga Cinta - Kiara Condong - Buah Batu - Bkr - Leuwi Panjang - Kopo - Cibolerang - Cigondewah - Cijerah</p> <p>Cijerah » Ciwastra Cijerah - Cigondewah - Cibolerang - Kopo - Bkr - Buah Batu - Marga Cinta</p>
	<p>Cicadas » Elang Kiara Condong -Gatot Subroto - Lengkong - Abd. Muis - Dewi Sartika - Kebun Kawung - Abd. Saleh</p> <p>Elang » Cicadas Rajawali - Kebun Jati - Otista - Dalem Kaum - Cikawao - Gatot</p>

	Subroto - Kiara Condong - Jakarta
	Ciroyom » Antapani Abd. Saleh - Padjajaran - Aceh - Laswi - Sukabumi - Jakarta - Antapani Antapani » Ciroyom Antapani - Jakarta - Sukabumi - Laswi - Aceh - Padjajaran - Abd. Saleh
	Cicadas » Cibiru Kiara Condong - Sukarno Hatta - Cibiru Cibiru » Cicadas Sukarno Hatta -Kiara Condong - Jakarta - A. Yani
	Sadang Serang » Gede Bage Tubagus Ismail - Ir. H. Juanda (Dago)- Surapati - Phh Mustopha (Suci) - Ujung Berung - Rumah Sakit - Gede Bage Gede Bage » Sadang Serang Rumah Sakit - Ujung Berung - Cikutra - Pahlawan - Surapati - Ir. H. Juanda (Dago)- Tubagus Ismail
	Sadang Serang » Caringin Tubagus Ismail - Taman Sari - Padjajaran - Kebun Kawung - Abd. Saleh - Garuda - Cijerah - Bojong - Caringin Caringin » Sadang Serang Caringin - Bojong - Cijerah - Elang - Abd. Saleh - Radjiman - Taman Sari - Ganesha - Ir. H. Juanda (Dago)- Tubagus Ismail
	Cibaduyut » Karangsetra Leuwi Panjang - Kopo - Astana Anyar - Pasir Kaliki - Sukajadi - Dr. Sutami Karangsetra » Cibaduyut Dr. Sutami - Sederhana - Pasir Kaliki - Astana Anyar - Kopo - Leuwi Panjang -Cibaduyut

Laluan/Route Bas Damri (Bas Panjang)

Leuwi Panjang » Dipatiukur (PP)

»» Kopo - Pasir Koja - Astana Anyar - Kebon Jati - Otista - Stasion - Perintis Kemerdekaan - Wastu Kencana - Riau - Ir. H. Juanda - Dipati Ukur
«« Dipati Ukur - Ir. H. Juanda - Merdeka - Perintis Kemerdekaan - Suniaraja - Otista - BKR - Leuwi Panjang

Leuwi Panjang » Ledeng (PP)

»» Kopo - Pasir Koja - Astana Anyar - Kebon Jati - Pasir Kaliki - Sukajadi - Setiabudi
«« Setiabudi - Sukaasih - Sukajadi - Pasir Kaliki - Kebon Jati - Otista - BKR - Leuwi Panjang

Leuwi Panjang » Cicaheum (PP)

»» Kopo - Pasir.Koja - Pungkur - Dewi Sartika - Alun-Alun - Banceuy - Cikapundung - Naripan - Sunda - Veteran - A.Yani
«« A.Yani - Asia Afrika - Otista - BKR - Leuwi Panjang

Kebun Kelapa » Cibiru (PP)

»» Dewi Sartika - Banceuy - Cikapundung - Naripan - Sunda - Veteran - A.Yani - Ujung Berung
«« Ujung Berung - A.Yani - Asia Afrika - Otista - Pungkur - Dewi Sartika

Kebun Kelapa » Tanjung Sari (PP)

»» M. Toha - Pungkur - Karapitan - Buah Batu - Sukarno Hatta - Cibiru - Cileunyi - Jatinangor - Tanjung Sari
«« Tanjung Sari - Jatinangor - Cileunyi - Cibiru - Sukarno Hatta - M. Toha

Dipatiukur » Jatinangor (PP)

»» Dipati Ukur - Surapati - Diponegoro - Supratman - A.Yani - Ujung Berung - Cibiru - Cileunyi - Jatinangor
«« Jatinangor - Cileunyi - Cibiru - Ujung Berung - A.Yani - Jakarta - Supratman - Diponegoro - Surapati - Dipati Ukur

Cicaheum » Cibeureum (PP)

»» A.Yani - Asia Afrika - Sudirman - Elang
«« Elang - Rajawali - Kebon Jati - Otista - Stasion - Viaduct - Suniaraja - Lembong - Bungsu - Veteran - A.Yani

Alun-Alun » Ciburuy (PP)

»» Asia-Afrika - Sudirman - Cimindi - Cimahi - Padalarang
«« Padalarang - Cimahi - Cimindi - Rajawali - Garuda - Sudirman - Jamika - BKR - M. Toha - Pungkur - Dewi Sartika - Banceuy - Braga - Asia Afrika

Elang » Jatinangor (PP)

»» Elang - Rajawali - Garuda - Sudirman - Sukarno Hatta - Cibiru - Cileunyi - Jatinangor
«« Jatinangor - Sayang - Rancaekek - Cileunyi - Percobaan - Cibiru - Sukarno Hatta - Elang

Kiaracondong » Ciroyom (PP)

»» Kiaracondong - Jakarta - A.Yani - Riau - Merdeka - Wastu Kencana - Pajajaran - Abdul Rahman Saleh - Jatayu
«« Jatayu - Arjuna - Pajajaran - Watukencana - Riau - A.Yani - Kiaracondong

Kiaracondong » Sarijadi (PP)

»» Kiaracondong - Sukarno Hatta - Buah Batu - Lingkar Selatan - Riau - Merdeka - Wastu Kencana - Otten
«« Pasteur - Surya Sumantri - Sarijadi - Surya Sumantri - Pasteur - Otten - Wastu Kencana - Riau - Lingkar Selatan - Buah Batu - Soekarno Hatta - Kiara Condong

Di Kota Bandung, anda tidak perlu risau jika tersesat, anda boleh bertanya dan pasti mendapat jawapan yang positif atau tunjukkan alamat yang ingin dituju kepada pemandu teksi. Selalu minta pemandu teksi menggunakan meter bagi mengelakkan sebarang penipuan. Kebiasaannya harga tambang minima adalah sebanyak Rp20,000.

Info Teksi Bandung

Blue Bird Taxi

Alamat: Jl. Terusan Buah Batu 194 ◇ Telp: (+62-22) 756-1234
Alamat: Jl. Cipagalo 194-A ◇ Telp: (+62-22) 756-0600

Borobudur Taxi

Alamat: Jl. Setiabudi 177 ◇ Telp: (+62-22) 201-4018

Centris Taxi

Alamat: Jl. Soekarno Hatta 606-A ◇ Telp: (+62-22) 751-2100

Flower City Taxi

Alamat: Jl Titiran 21 ◇ Telp: (+62-22) 250-5522

Kota Kembang Taxi

Alamat: Jl. Kiaracondong 338 ◇ Telp: (+62-22) 731-2312

Paripurna Taxi

Alamat: Jl. Bali 6 ◇ Telp: (+62-22) 420-1000

Surya Taxi

Alamat: Jl. Kebon Jati 206 ◇ Telp: (+62-22) 601-4247

Tirta Taxi

Alamat: Jl. Dursasana 18 ◇ Telp: (+62-22) 603-7737

Top Taxi

Alamat: Jl. Angrek 35 ◇ Telp: (+62-22) 720-3713

INFORMASI KERETA SEWA

Bike Auto Rent & Travel

Alamat: Jl. Srimolek 6 ♦ Telp: (+62-22) 7070-7168

Dhila Armada

Alamat: Jl Dago Timur 24 A ♦ Telp: (+62-22) 251-0815

Dirgantara Car Rental & Wedding

Alamat: Jl. Lamping 7 ♦ Telp: (+62-22) 203-5050

Lysan Rent Cars

Alamat: Komplek Mitra Dago Parahyangan Bl 1/II ♦ Telp: (+62-22) 721-7070

Cipaganti.co.id


TEMPAT PENGINAPAN

Bersama ini disertakan antara hotel bajet dan juga bertaraf 1, 2 dan 3 bintang. Di Indonesia, alamat sesuatu tempat dimulakan dengan nama Jalan, kemudian baru disebut / ditulis Nombor.

HOTEL PENGINAPAN

1. Terdapat puluhan hotel bertaraf 5 bintang hingga lah ke Melati dan wisma.
2. Sekiranya anda ingin menginap berhampiran Factory Outlet, pilihlah hotel seperti berikut:
FO Jln Dago - Rumah Ebo, Hotel Karmila, Geulis, **Utari**, **Royal Dago**, dll
FO Jln Riau - Grand Serela, Anggerik, Santika, **Prago**., Wisma Nova dll
FO Jln Setiabudi - Sany Rossa
3. Penulis mencadangkan hotel bajet iaitu Astria Graha, Hotel Utari dan Royal Dago. (Sila rujuk senarai hotel)

Lokasi Tempat Penginapan, Pasar Baru & Factory Outlet





Ruang Santai di Astria Graha, Jln Dalem Kaum, Bandung
(Penginapan Bajet Pilihan)



Orange Homes (MelayuResidence). Babakan Jeruk 1, No 76, Pasteur
Harga dari Rp 175,000 - 550,000. Tel: 6281221010336
Web: Kampung-melayu.ning.co



Hotel Proga
Jl Proga No 8, Bandung. Tel: 62 224206249
Berhampiran Factory Outlet Jl Riau
(Heritage, Summit, Terminal TAS, ForMen dll)



Rumah Ebo
Jln Imam Bonjol 27, Bandung Tel 62 2222533773
Email: rumahebo@yahoo.com
Web: rumahebo.wordpress.com

Hotel Astria Graha

Jln Dalem Kaum No 130A

Bandung 40261 Bandung

Telp (022)4235202

Harga dari Rp 95,000

Terletak di kawasan Alun-Alun, belakang hotel Seavoy Homann. 500 meter di hadapan Masjid Agong

Dago Guest House, Bandung

Komplek Taman Budaya, Dago Tea house. Bandung

Telp. 022 825 20044

Terletak di kawasan Factory Outlet Jln Dago

Harga Rp 125,000 hingga 240,000

Puri Tomat, Bandung

Jl. Ir. H. Juanda 420. Bandung

Telp. 2501746

Harga dari Rp 110,000

Berhampiran factory outlet

Utari Hotel, Bandung

Jl. Ir. H. Juanda No 50 Dago. Bandung

Telp. 022 4206810

Harga dari Rp 340,000

Berhampiran factory outlet

Wisma Cilaki, Bandung

Jl. Cilaki 4. Bandung

Telp. 022 7271909

Harga dari Rp110,000

Berhampiran kawasan strategic iaitu IBCC Mall, Factory Outlet Jln Riau, Gedung Sate dan Gasibu

Royal Dago Hotel, Bandung ★

Jl. Ir. Juanda 169-156. Bandung

Telp. 022-2502200

Harga dari Rp 315,000

Berhampiran factory outlet

Cemerlang Hotel, Bandung ★★

Jl. HOS Cokroaminoto no.45. Bandung

Telp. 6071383

Harga dari Rp318000

15 menit dari Airport dan 5 menit berjalan kaki dari Stesen keretapi Bandung

Ahadiat Hotel Bungalow, Bandung ★★★

Jl. Sindang Sirna Elok No. 9 Setra Sari. Bandung

Telp. 022 - 200 58 70

Rp320000

Nalendra Hotel, Bandung ★★★

Jl. Cihampelas No. 225-229. Bandung

Telp. 022-2034000

9. RESTORAN & KEDAI MAKAN

Kota Bandung juga terkenal dengan keenakan masakan Indonesia. Kebanyakan makanan di sini merupakan masakan Sunda & Jawa. Terdapat juga restoran yang menyediakan resepi makanan barat dan seafood.

Untuk menjamu selera, pelancong bolehlah berkunjung ke Shopping Komplek kerana di setiap pusat membelibelah terdapat **Food Court** yang **bersih** seperti di **Tingkat Atas Pasar Besar, Bahagian Depan Rumah Mode, Bandung Supermall, Matahari, Dago Plaza** dll.

Bagi yang mengemari **Nasi Padang**, silalah berkunjung ke **Jalan Dalem Kaum**. Antara yang popular ialah **di persimpangan hadapan Masjid Agung** di Alun-Alun. Tempatnya bersih, citarasanya sama seperti Nasi Padang yang dijual di negara kita, tetapi harganya sedikit mahal dari gerai-gerai biasa.

Selain dari itu anda boleh mencuba **Nasi Timbel** di Tingkat 6 Bangunan Pasar Baru, Food Court Matahari Shopping Mall, BSM dll. Anda juga boleh mencuba menu **Nasi Kalong** di 57 Jalan Riau. Lain-lain lokasi untuk dikunjungi ialah:-



Food Court-Paskal Food Market, Hyper Square, Jl Pasir Kaliki
Terdapat + 50 Stall & Live Band

Selain dari lokasi yang dinyatakan di atas, anda juga mempunyai lain-lain pilihan. Bagi memudahkan anda memilih restoran(Rumah Makan@ RM), saya akan menyenaraikan mengikut kawasan;-

KAWASAN SETIABUDI/CIMBEULEUIT

RM Ayam Goreng Brebes

Jl Raya Lembang 272, Tel 2787541

Menu Istimewa: Ayam goreng, Ayam baker, Nasi timbel, Es jeruk, Es teller

Harga dari: Rp 25,000

Nota: Tempat yang strategik

RM Daun Pisang

Jl Setiabudi 154, Tel: 2037575

Menu Istimewa: Gurame goring garing, Ayam pepes, Milkshake

Harga dari: Rp 35,000

Nota: Tempat yang strategik

Rumah Saung Baraya

Jl Kol Masturi Kp Keramat No 2, Parongpong. Tel 2787802

Menu Istimewa: Masakan sunda, Nasi baker, Ayam baker, jus

Harga dari: Rp 50,000

Nota: Kolam pancing & Taman permainan

Ikan Bakar Pak Cimet

Jl Sukajadi No 157, Tel: 2031211

Menu Istimewa: Nasi Timbel + Ikan baker/Goreng

Nota: Terkenal kerana aroma yg menyelerakan

Ma Uneh

Jl Dr Setiabudi 159, Tel 2011859
Menu Istimewa: Ayam goreng/baker
Nota: Restoran Sunda yang terkenal di Bandung

Kawasan Cuhampelas/Pajajaran/Paskal

Raja Rasa

Jl Setraria No 1, Tel 2005070
Menu Istimewa: Masakan khas Sunda & Aneka seafood
Harga dari Rp 50,000
Nota: Tempat & suasana yang selesa

Mak Uneh

Jl Terasana 132, Dekat Gor Pajajaran
Menu Istimewa: Masakan tradisional tempatan

Nasi Campur

Jl Pajajaran
Menu Istimewa: Nasi Campur
Harga dari Rp 20,000
Nota: Menu yang lazat serta sentiasa dipenuhi pengunjung

RM Sunda Kelapa Garden

Jl Pasir Kaliki. Tel 6120169
Menu Istimewa: Nasi timbel, gurame cobek, Es kelapa muda
Harga dari Rp 50,000

Kawasan Dago/Riau

RM Serba Asap

Jl Ciburial 13
Menu Istimewa: Nasi goreng Anglo, Nasi baker, Sapi Iga baker, Es Selasih
Harga dari Rp 50,000
Nota: Tempat makan yang berbeza dari yang lain

Riung Sari

Jl LLRE Martadinata No 22
Menu Istimewa: Gurame baker dan Sup gurame
Harga dari Rp 40,000

Dago Tea House

Jl Bukit Dago Selatan No 53A

Menu Istimewa; Nasi timbel komplit, Es sekoteng

Harga dari Rp 30,000

Nota: Ikon café di Kota Bandung dan tertua

Sago Kitchen

Jln Riau 207

Menu Istimewa: Aneka sarapan pagi & aneka kopi

Harga dari Rp 25,000

Nota: Tempat strategik dan suasana nyaman



Antara Pusat Membeli-belah utama di Kota Bandung

TEMPAT TARIKAN UTAMA

Kota Bandung mempunyai banyak tempat bersejarah dan tarikan utama pelancongan seperti Pusat Membelilah, Factory Outlet dan juga hiburan malam di Jln Dago pada Malam Minggu.

2. Jalan Asia-Afrika. Di jalan ini terdapat gedung tempat berlangsungnya konferensi [Asia-Afrika](#) tahun [1955](#)
3. Bandung di kenali dengan sejumlah besar bangunan lama antara nya. Gedung Sate, kini berfungsi sebagai kantor Pemerintah Provinsi Jawa Barat;
4. Gedung Kantor Pos Besar Kota Bandung
5. Kawah gunung Tangkuban Perahu

Pusat Membelilah/Shopping

1. Bandung Supermall (BSM) – Jln Gatot Subroto, 289
2. Istana Plaza (IP)
3. Bandung Indah Plaza (BIP)
4. Cihampelas Walk (Ciwalk) – Banyak terdapat Jeans jenama tempatan dan import
5. Pasar Baru Trade Center (One Stop Centre) – Segala-galanya ada disini, pakaian muslimah, barangan kulit, pakaian, keperluan rumah dll.
6. Cibaduyut – Pusat pembuatan dan jualan barangan kulit seperti kasut, tali pinggang, beg, baju kulit, dompet dll.



Produk yang mendapat perhatian pelancong dari Malaysia

FACTORY OUTLET (SISA EKSPORT)

Kebanyakan Factory Outlet di Kota Bandung terkenal sebagai pusat fesyen terkini, pakaian lelaki & wanita, tekstil juga busana muslimah. Jenama-jenama antarabangsa seperti **LV, Boss, Coach, DKNY, Edward Forrer, GAP, Chanel, Polo, Gucci, Elezabeth Arden** dll boleh didapati mana-mana sahaja. Barangan Gred A adalah Overrun & Original manakala barangan Gred B pula adalah Kualiti Ekspot yang tidak lulus QC.

Antara factory outlet yang terkenal di Bandung ialah :

Oasis	Jalan Riau (Martadinata)
Summit	Jalan Riau (Martadinata)
Terminal TAS	Jalan Riau (Martadinata)
Formen	No. 36 Jalan Riau (Martadinata)
Riau Stock Mall	No 160 Jalan Riau (Martadinata)
Rinaritti	No 26 Jalan Riau (Martadinata)
Heritage	No 63 Jalan riau (Martadinata)
Solution	Jl Ir H Juanda (Dago) 91
Up Town	No 84 Jl. Ir. H Juanda (Dago)
Rich & Famous	Jln Ir Juando (Dago)
Edward Forrer	Jl. Ir. H Juanda (Dago)
Dago Stock Ekspor	Jl. Ir. H Juanda No.52

Rumah Mode	Jl. Dr. Setiabudi No. 41
Lavayette	Jl Dr Setiabudi 61A
Little Sweet	Jl. Dr. Setiabudi 135 Bandung
FOS Clothing	73 Jln Setiabudi

PENGUNAAN TELEFON BIMBIT

Bagi penjaminan kos komunikasi anda , Kami mencadangkan anda menggunakan perkhidmatan telekomunikasi prabayar dari Indonesia. Terdapat beberapa pilihan seperti mentari, IM3, Fren, Simpati dll. Antara rasionalnya ialah:

- Penggunaan kad prabayar oleh penyedia perkhidmatan dari Indonesia lebih murah berbanding dari Malaysia
- Caj dikenakan apabila anda membuat panggilan atau SMS sahaja. Berbanding perkhidmatan dari Malaysia, anda akan dicaj dua hala sewaktu menerima dan membuat panggilan.
- Mudah untuk mendapatkan top-up apabila kehabisan kredit (pengguna prabayar)
- Proses pendaftarannya mudah. Minta bantuan penjual untuk menguruskan.
- Kawasan liputan yang luas dan stabil
-

PENGIRAAN BAJET UNTUK TRIP KE BANDUNG

TERUS KE BANDUNG

Pengiraan Harga Bagi Tiap Seorang Berdasarkan Trip 4 Orang Berkumpulan
@kadar pertukaran RM1= Rp 2,700

PERKARA		HARI			
		1(RM)	2(RM)	3(RM)	4(RM)
Tiket KUL – BD) KUL	RM 70	70	-	-	-
Transport Airport – Hotel - Airport	Teksi	3	-	-	3
Transport Hotel–Shopping Mall @	Teksi	6	6	6	-
Hotel Rp150,000(RM56.00)	Twin	28	28	28	-
Sarapan Pagi	Disediakan	-	-	-	-
Airport Tax Bandung Rp75,000	-	-	-	-	28
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN		107	34	34	31

Harga tiket airasia adalah berdasarkan Harga Promosi Zero Fare (RM0)
Jumlah Perbelanjaan untuk 4H3M ialah RM 206.00 (Tidak termasuk perbelanjaan membelibelah , makanan dan kenderaan berulang alik dari hotel dan tempat membelibelah)

PERKARA		HARI			
		1(RM)	2(RM)	3(RM)	4(RM)
Tiket Penerbangan KUL - JAKARTA	RM 70	70	-	-	-
Bas Jakarta-Bandung-Jakarta	RM 25/Org	25	-	-	25
Bandung – Hotel (R)	RM 12/4	3	-	-	-
Hotel ke Shopping Mall	RM 12/4	3	3	3	-
Shopping Mall ke Hotel	RM 12/4	3	3	3	-
Bayaran Hotel @ Rp150,000 (Twin)	RM56.00/2	28	28	28	-
Sarapan Pagi	FOC	-	-	-	-
Jakarta Airport tax @ 110,000/org	RM 55	-	-	-	55
JUMLAH ANGGARAN PERBELANJAAN		129	31	31	80

Anggaran Kos Percutian Penerbangan Melalui Jakarta (KUL-CGK)

3 Hari 2 Malam = RM 243.00
4 Hari 3 Malam = RM 274.00
5 Hari 4 Malam = RM 305.00

Selamat berjaya dan selamat melancung!!!!!!
Ctanna & Ismailmkhir 019-6465393
ismailmkhir@yahoo.com